

MENGAJAR KATA HUBUNG

MOKHTAR BIN RAIS



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJUNG MALIM
2006

MENGAJAR KATA HUBUNG

MOKHTAR BIN RAIS

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJUNG MALIM
2006

PENGAKUAN

Bahwasanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

7 April 2006

.....
MOKHTAR BIN RAIS
No.Matrik : M2004 1000 169

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya kehadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia Nya dapat saya menyiapkan dengan jayanya kajian ilmiah ini dalam masa yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, saya tujukan kepada penyarah pembimbing, iaitu Profesor Dr. Abdullah Hassan yang banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan saranan kepada saya untuk menyiapkan kajian ilmiah ini.

Saya juga tidak lupa untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu dan bekerjasama bagi saya menyiapkan kajian ilmiah ini. Segala pandangan, cadangan, atau teguran anda semua hanya Allah saja yang akan membalasnya.

Akhirnya, penghargaan ini saya tujukan kepada semua ahli keluarga saya kerana dapat memahami suasana dan mengorbankan keselesaan yang sepatutnya dikecapi bersama sepanjang proses saya menyiapkan kajian ini. Saya juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua anak-anak saya kerana memahami bebanan ayah mereka dan sentiasa memberi kerjasama yang sangat baik hingga saya berjaya menyiapkan kajian ilmiah ini.

Sekian wasalam

Mokhtar bin Rais
Program Sarjana Pendidikan
Bahasa Melayu
UPSI 2004/2006

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian analisis berkaitan kata hubung. Kajian ini meliputi aspek kata hubung sama ada jenis, kesalahan pemakaian kata hubung dan dicadangkan cara mengajar kata hubung yang baik. Alat kajian ini ialah mengkaji kandungan penggunaan kata hubung dalam dua majalah, iaitu Majalah Dewan Bahasa keluaran bulan Februari 2006 dan Majalah Dewan Sastera keluaran bulan Februari 2006. Kedua-dua majalah ini dipilih menjadi sampel kajian kerana ia mudah didapati dan dijadikan rujukan oleh para pelajar dan guru untuk mendapatkan data tentang kata hubung.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui pelbagai jenis kata hubung dan cara ia digunakan dalam ayat. Disamping itu, melalui data yang dikemukakan kita dapat melihat bentuk-bentuk kesilapan atau kesalahan penggunaan kata hubung dalam ayat. Seterusnya disarankan beberapa cadangan penggunaan ayat kata hubung yang betul dan perbezaannya dengan kata sendi.

Disamping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat beberapa idea ahli bahasa berkaitan kata hubung. Mengapa terdapat perbezaan pendapat dan pandangan beberapa ahli bahasa tersebut berkaitan kata hubung?. Diakhir perbincangan ini, dicadangkan beberapa idea kepada pihak tertentu bagaimanakah cara bagi meningkatkan lagi martabat bahasa Melayu. Dicadangkan juga satu persediaan mengajar sebagai panduan untuk guru apabila ingin mengajar aspek kata hubung.

ABSTRACT

This research is concerning the analyses study of Conjunction. The research covered the element of conjunction such as type, wrongly used conjunction and also suggestion on how to teach the conjunction correctly. The research is done by comparing the used of conjunction taken from two favorite which are Majalah Dewan Bahasa February 2006 edition and Majalah Dewan Sastera February 2006 edition. Both magazines are hot in the market and important reference to students and teachers as a main source of information regarding conjunction.

The aim of the study is to know the varieties of conjunction and how it is utilised in sentences. The data given will highlight the common mistake done when using conjunction in sentences. Furthermore, precious suggestions are given on the correct usage of conjunction and the differences between conjunction and sentence connectors.

This study also gives the opportunity to compare the views of some of the language expertise on conjunction and reasons why the difference occurs. A few ideas are suggested to those concern on how to improve the dignity of Bahasa Melayu. Suggested lesson plan is given as a helpful preparatory for teachers interested to teach the aspect of conjunction.

KANDUNGAN**HALAMAN****HALAMAN JUDUL**

PENGAKUAN	ii
-----------	----

PENGHARGAAN	iii
-------------	-----

ABSTRAK	iv
---------	----

ABSTRACT	v
----------	---

KANDUNGAN	vi
-----------	----

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Mengajar Kata hubung	5
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Batasan Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Tujuan Kajian	10
1.7 Perbezaan idea pakar-pakar bahasa mengenai kata hubung	14
1.8 Jenis-jenis kata hubung	19
1.9 Kesimpulan	24

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	25
2.2 Tinjauan Literatur Pengajaran Tatabahasa	26
2.3 Tinjauan Kajian Berkaitan Pengajaran Kata Hubung	34
2.4 Kesimpulan	35

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	37
3.2 Rekabentuk Kajian	37
3.3 Alat Kajian	38
3.4 Prosedur Pungutan Data	39
3.5 Prosedur Analisis Data	39

BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	41
4.2 Dapatan Kajian	42
4.2.1 Majalah Dewan Bahasa (Februari 2006)	43
4.2.2 Majalah Dewan Sastera (Februasri 2006)	52
4.2.3 Fungsi Kata Hubung	56
4.3 Kesalahan Penggunaan Kata hubung	65
4.4 Kesalahan dalam Penulisan	66
4.5 Langkah Membetulkan Kesalahan Penggunaan Kata Hubung	69
4.6 Kesimpulan	70

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	72
5.2 Perbincangan	73
5.3 Rumusan	74
5.4 Cadangan dan Saranan	75
5.4.1 Dewan Bahasa dan Pustaka	76
5.4.2 Pihak Sekolah	77
5.4.3 Guru	77
5.4.4 Pelajar	78
5.4.5 Ibu bapa	78
5.5 Cadangan Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran	79
5.6 Kesimpulan	84
BIBLIOGRAFI	86
LAMPIRAN	88

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kata hubung adalah sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih yang kemudian boleh membentuk ayat majmuk. Kata hubung tergolong dalam golongan kata tugas dan menjadi salah satu elemen tatabahasa Bahasa Melayu. Ia sangat penting untuk dikuasai oleh seseorang jika ingin menjadi penutur yang baik. Lantas ia penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Aspek kata hubung sangat penting diajar di sekolah kerana ia melibatkan aspek tatabahasa pedagogi yang sukar dikuasai oleh pelajar. Ramai ahli bahasa mempunyai pendapat yang berbeza mengenai kata hubung dari beberapa aspek. Guru juga kadang-kadang menghadapi masalah semasa mengajar aspek tatabahasa ini.

Bagi guru, kata hubung antara topik yang sukar diajar dan difahamkan kepada pelajar di sekolah kerana ia mempunyai pelbagai bentuk, jenis dan fungsi. Apabila

pelajar mengaplikasi kata hubung dalam eseи atau lisan maka di sini jelas banyak kesalahan yang mereka lakukan.

Adakalanya ramai orang terkeliru antara kata hubung dengan kata sendi. Kata hubung dan kata sendi adalah dua yang berbeza. Menurut Abdullah Hassan(2004: 208), kata sendi digunakan dalam frasa. Tetapi kata hubung digunakan untuk menggabungkan perkataan dengan perkataan, klausa dengan klausa atau pun ayat dengan ayat.

Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu di sekolah menengah pada tahap tingkatan empat dan lima dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu lisan, bacaan, penulisan dan tatabahasa. Tatabahasa merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu pada peringkat ini. Ia melibatkan aspek pemahaman petikan, ayat yang pelbagai bentuk, memahami pembentukan kata, klausa, frasa, pembinaan ayat, pelbagai imbuhan hingga kepada membina ayat untuk membentuk sebuah karangan. Ini jelas seperti yang dinyatakan oleh Abdullah Hassan (1996), bahawa penulisan karangan melibatkan ketepatan memberi takrifan tajuk, persembahan isi atau buah fikiran, penggunaan bahasa yang tepat serta gramatis, pengolahan, penyampaian dan kemampuan membuat pemerengganan.

Ramai ahli bahasa mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza mengenai kata hubung . Mereka mempunyai pandangan yang berbeza dari beberapa aspek seperti jenis, fungsi, bentuk, punca kesalahan atau kesilapan. Jadi pelbagai cara juga diutarakan bagi mengatasi masalah tersebut mengikut pandangan masing-masing.

Tatabahasa merupakan suatu peraturan bagaimana perkataan-perkataan dibentuk dan bagaimana perkataan itu bergabung dengan perkataan-perkataan lain untuk menghasilkan ayat-ayat yang gramatis. Jelasnya, tatabahasa ialah rentetan ucapan, pengelompokan serta pengklasifikasi unsur-unsur ucapan menurut fungsinya.

Jika kita melihat tatabahasa dari aspek tradisional, tatabahasa merupakan merupakan satu cara mengkaji bahasa berdasarkan hukum-hukum yang telah dibuat terhadap bahasa itu berdasarkan makna dan logik.

Bahasa yang digunakan oleh ramai juruhebah radio dan televisyen di Malaysia, banyak boleh dipertikaikan dari aspek tatabahasa dan sebutan. Bahasa golongan pimpinan negara seolah-olah menolak perjuangan ramai ahli dan pakar bahasa Melayu. Bahasa dalam sistem pesanan ringkas (SMS) yang digunakan sama

ada dalam kalangan golongan terpelajar atau orang awam juga sangat tidak memuaskan.

Pengkaji berpendapat masalah kegawatan kesalahan atau kesilapan tatabahasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia pada masa kini sangat ketara. Menurut Awang Sariyan (2005) dalam ruangan ‘haluan kata’ mengharapkan bahasa Melayu akan menjadi lambang kewujudan sebuah negara bangsa yang berdaulat, menjadi wahana komunikasi rasmi dalam menggerakkan jentera pentadbiran negara dan menjadi bahasa pengantar ilmu yang penting serta menjadi bahasa pengucapan seni budaya. Beliau mengharapkan melalui buku ini sedikit sebanyak dapat menyelesaikan masalah bagaimana menggunakan bahasa Melayu yang tepat dan betul mengikut fungsinya, yang lazimnya dihadapi oleh pengguna bahasa Melayu di negara kita .

Semasa bertutur atau menghasilkan sesuatu hasil tulisan, selalu aspek tatabahasa kurang diberi penekanan. Misalnya semasa sistem pemarkahan karangan Bahasa Melayu SPM, markah yang paling banyak diberi kepada isi, huraihan dan contoh. Aspek tatabahasa dan ejaan sekitar lima markah. Ini menjadikan pelajar akan memberi tumpuan kepada mencari sebanyak mungkin isi untuk mendapatkan markah yang baik. Aspek tatabahasa dan kesantunan diabaikan.

Lantaran generasi muda Malaysia mula mengabaikan aspek budibahasa dan kesantunan bahasa serta penggunaan bahasa yang tidak betul, lantas Kementerian Pelajaran Malaysia, tahun 2000 melancarkan Falsafah Pendidikan Kesasteran Melayu. Ia diwajibkan diajar kepada semua pelajar sekolah menengah dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Pengajaran unsur-unsur kesantunan ini diserapkan melalui pelajaran Bahasa Melayu yang disebut KOMSAS (komponan sastera).

Jelasnya, aspek tatabahasa merupakan suatu sistem atau peraturan atau undang-undang sesuatu bahasa yang patut dipelajari dan diketahui dengan tepat dan betul oleh masyarakat penutur bahasa itu. Peraturan atau hukum-hukum dalam struktur bahasa itu akan menghasilkan rumus-rumus baru yang dipersetujui oleh masyarakat itu kerana bahasa itu bersifat dinamik, hidup dan berkembang bersama-sama masyarakat penuturnya.

1.2 Mengajar Kata hubung

Kata hubung termasuk dalam bidang kajian tatabahasa yang melibatkan aspek sintaksis (pembentukan ayat) dan semantik (makna). Bagaimana pun semasa pengajaran kedua-dua aspek ini, komponen tatabahasa yang lain iaitu morfologi dan fonologi tidak boleh diabaikan kerana ia berkait rapat. Ini kerana bahasa ialah himpunan

ayat dan ayat ialah bentuk bahasa yang terjadi dengan adanya susunan kata menurut sintaksis.

Menurut Nik Safiah Karim et al. (1996: 238), kata hubung merupakan kata yang dikategorikan sebagai kata tugas untuk menyambungkan ayat. Ia juga disebut sebagai kata penyambung ayat. Dua jenis kata hubung yang diuraikan dalam Tatabahasa Dewan ialah kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan.

Mengajar kata hubung bermakna guru bahasa Melayu mengajar bahasa dari aspek tatabahasa Bahasa Melayu. Mengajar aspek tatabahasa melibatkan penguraian konsep dan aplikasinya dalam tulisan atau lisan. Adakah kita dikelirukan antara kata hubung dengan kata sendi. Kedua-dua kata tersebut berbeza antara satu sama lain. Kedua-duanya mempunyai tugas yang berbeza.

“Kata tugas itu ialah kata hubung. Kata sendi dan kata hubung berlainan. Kata sendi digunakan dalam frasa tetapi kata hubung digunakan untuk menggabungkan perkataan dengan perkataan frasa dengan frasa, klausa dengan klausa ataupun ayat dengan ayat”.

(Abdullah Hassan 2004: 208)

Guru yang mengajar aspek tatabahasa Bahasa Melayu banyak melibatkan huraian berkaitan peraturan atau sistem bahasa itu sendiri. Memahamkan pelajar berkaitan peraturan atau sistem memerlukan kemahiran yang tinggi dan jelas penyampaiannya supaya murid yang menerimanya tidak terkeliru.

Menurut Arbak Othman (1981: 01), aspek tatabahasa itu pengajaran yang melibatkan unsur-unsur peraturan yang teratur dan kemas yang dipanggil oleh ahli-ahli bahasa sebagai sistem yang berperaturan. Jelasnya, guru yang mengajar tatabahasa bermaksud mengajar sistem dan undang-undang bahasa untuk diperaktik dengan betul dalam tulisan dan lisan.

1.3 Penyataan Masalah

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah (1997) menyatakan bahawa objektif pengajaran aspek tatabahasa adalah supaya pelajar dapat berkomunikasi secara lisan dengan baik dan berkesan. Disamping itu melalui kemahiran menulis, pelajar dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas serta aspek tatabahasa yang mantap dan dihargai. Jelasnya objektif sukatan pelajaran ini bertujuan untuk menghasilkan atau menyampaikan buah fikiran, idea, fakta, pandangan, ulasan atau seumpamanya melalui bahasa yang tepat sama ada secara

lisan atau tulisan. Cuma mutu dan kualiti hasilan itu bersesuaian dengan peringkat umur dan tahap kematangan pelajar.

Masalah yang besar ialah pelajar sering terkeliru dari aspek pemahaman dan beberapa disiplin ilmu tatabahasa. Misalnya pelajar gagal menggunakan struktur ayat yang betul dan gagal juga menunjukkan kesinambungan sesuatu idea dalam penulisan mereka.

Menurut Awang Sariyan (1996: 15), masalah besar dalam bidang linguistik ialah aspek tatabahasa. Berdasarkan penyataan yang diatas menunjukkan bahawa ramai pembaca atau pelajar masih belum dapat menguasai aspek tatabahasa dengan baik. Masih ramai yang melakukan pelbagai kesilapan seperti kesilapan dalam ejaan, penggunaan kata hubung, pemakaian kata sendi dan kata kerja yang salah, susunan ayat yang tidak gramatis dan sebagainya. Banyak buku hasil tulisan ahli bahasa Melayu sendiri yang mempunyai kesilapan tatabahasa walau pun telah disunting beberapa kali.

Kesilapan pemakaian kata hubung yang kerap dilakukan oleh penulis buku atau pelajar ialah penggunaan kata hubung keterangan (Nik Safiah Karim et al. 1999: 20). Kekeliruan ini berlaku kerana penggunaan kata tertentu yang tidak konsisten. Misalnya kata hubung *manakala* dan *sementara*. Sebenarnya perkataan ‘manakala’ ialah perkataan kata hubung yang boleh digunakan untuk menghubungkan dua atau lebih ayat

setara. Bagi perkataan ‘sementara’ pula ialah kata hubung keterangan yang berfungsi menghubungkan ayat induk dengan ayat kecil keterangan waktu.

Berdasarkan kepada beberapa fenomena diatas, maka penyelidik terpanggil untuk membuat kajian berkenaan bagi sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan kemelut dan kekeliruan yang timbul. Melalui hasil kajian ini diharap ramai penulis buku, pelajar atau murid sekolah dapat menunjukkan penggunaan kata hubung yang tepat dan betul dalam tulisan mereka. Dua majalah ini menjadi sampel mewakili beberapa bahan penulisan ramai penulis kita di negara ini.

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada keseluruhan isi kandungan Majalah Dewan Bahasa terbitan bulan Februari 2006 dan Majalah Dewan Sastera keluaran bulan Februari 2006 (hingga muka surat 80). Kedua-dua majalah tersebut diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Melalui hasil analisis kajian ini, kita dapat melihat bahawa kata hubung memainkan peranan yang sangat penting dalam menghidupkan frasa, klausa, ayat, perkataan dan dalam proses pemerengganan sesuatu eseи. Pelbagai jenis kata hubung juga berfungsi bagi menggabungkan ayat, kata, klausa atau frasa bagi menyampaikan sesuatu mesej. Melalui contoh yang diutarakan, kita dapat melihat bagaimana golongan

penulis buku, wartawan atau majalah menggunakan beberapa aspek tatabahasa, khususnya penggunaan kata hubung dalam hasil pena bagi menyampaikan mesej mereka.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dibuat untuk menjawab beberapa persoalan yang boleh ditimbulkan dari kajian ini. Diantara persoalan itu ialah ;

- a. Apakah senarai dan jenis-jenis kata hubung serta bagaimanakah ia digunakan?
- b. Apakah fungsi setiap jenis dan bentuk kata hubung?
- c. Untuk melihat apakah kesalahan pemakaian kata hubung dan kenapa berlaku kesalahan tersebut? Bagaimanakah ia dapat digunakan dengan betul?
- d. Mengapakah terdapat idea yang berbeza antara beberapa ahli bahasa berkaitan kata hubung? Apakah perbezaan tersebut?

1.6 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pelbagai jenis kata hubung dan fungsi setiap kata hubung yang tertentu. Fungsi dan jenis setiap kata hubung dapat dilihat melalui

pemakaianya dalam novel seperti yang ditunjukkan berikut nanti. Melalui contoh pemakaian kata hubung yang betul, kita dapat membetulkan penggunaan kata hubung yang salah pemakaianya selama ini sama ada secara lisan atau dalam penulisan.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat ketepatan pemakaian kata hubung yang betul dalam kedua-dua majalah berkenaan. Seterusnya boleh menjadi panduan kepada orang lain seperti penulis buku, golongan guru bahasa atau pelajar.

Kesilapan yang dilakukan oleh penulis dalam kedua-dua majalah ini boleh menjadi sempadan dan pengajaran kepada orang lain, supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.

Seterusnya bagi para pelajar atau murid sekolah, kajian ini boleh menjadi bahan rujukan berkaitan kata hubung dan penggunaannya yang betul dalam ayat. Akhir ia boleh menjadi rujukan dan boleh menurunkan peratus kesalahan yang dilakukan oleh calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (S. P. M.) dan calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (S.T. P. M.).

Kajian ini diharap dapat memberi faedah dan manfaat kepada golongan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung melalui medium penggunaan bahasa

sama ada secara lisan atau tulisan. Lazimnya kumpulan seperti berikut memang terlibat ;

1.6.1 Guru-guru

Melalui hasil kajian ini guru-guru dapat menggunakan data yang ada sebagai rujukan apabila mahu mengajar tatabahasa berkaitan kata hubung. Guru-guru juga dapat menggunakan pengetahuan lain berkaitan kata hubung sebagai perkembangan tajuk ini. Kesilapan dan kesalahan yang ditunjukkan boleh dijadikan panduan supaya tidak mengulanginya lagi. Misalnya bagaimana membina ayat majmuk dengan memasukkan kata hubung tertentu.

Perbezaan pendapat beberapa ahli bahasa berkaitan kata hubung boleh dijadikan ilmu tambahan kepada guru, seterusnya boleh digunakan apabila menyelesaikan sesuatu masalah yang berkaitan.

1.6.2 Pelajar-pelajar

Para pelajar boleh menggunakan kajian ini sebagai bahan bacaan untuk menambah ilmu pengetahuan berkaitan kata hubung sama ada untuk melihat jenis atau fungsi serta

pemakaianya dalam penulisan atau lisan. Kajian ini diharap dapat memantapkan pengetahuan sedia ada pelajar khususnya aspek tatabahasa berkaitan kata hubung yang telah diajar oleh guru di sekolah.

Bagi pelajar, aspek perbezaan pendapat ahli bahasa berkaitan kata hubung perlu dibincang dengan guru bahasa supaya ia tidak membenggu pelajar dengan persoalan yang sukar untuk dijawab.

1.6.3 Penulis Buku

Kajian ini boleh membantu ramai penulis buku dari pelbagai disiplin ilmu supaya menggunakan bahasa yang betul terutamanya dari aspek tatabahasa. Penggunaan bahasa yang betul akan memudahkan penyampaian mesej yang tersirat dalam minda pengarangnya. Walaupun mereka bukan daripada kalangan orang yang mendapat pendidikan linguistik, namun mereka boleh menulis dan menyampaikan bahan yang hendak disampaikan dengan jelas dan mudah.

Diharapkan melalui hasil kajian ini, golongan penulis buku yang pelbagai bidang ilmu, boleh mengurangkan kesilapan aspek tatabahasa khususnya penggunaan kata hubung dalam ayat majmuk yang mereka gunakan.

Bagi penulis buku bukan Melayu yang menulis dalam bahasa Melayu, kajian ini banyak memberi manfaat. Mereka boleh menambah perbendaharaan kata dan mempraktikkan hukum-hukum bahasa Melayu penulisan supaya hasil dan kualiti buku mereka lebih relevan dan mantap pemilihan perkataannya lantas dihormati.

1.7 Perbezaan idea pakar-pakar bahasa mengenai kata hubung

Kata hubung ialah perkataan yang boleh menghubungkan antara dua atau lebih perkataan,klausa atau frasa untuk menimbulkan makna atau maksud tertentu. Dari segi definisi, pada umumnya semua pakar-pakar bahasa memberikan makna yang hampir sama.

Menurut Nik Safiah Karim et al. (1996: 239), kata hubung ialah perkataan yang menyambungkan dua binaan ayat atau lebih hingga menjadi satu bentuk ayat berlapis. Ayat ini dikenali juga sebagai ayat majmuk.

Terdapat dua jenis ayat majmuk:

- i. Ayat majmuk gabungan - dihubungkan dengan kata hubung gabungan.
- ii. Ayat majmuk pancangan – dihubungkan dengan kata hubung pancangan.

(Nik Safiah Karim et al. 1996: 239)

Menurut Abdullah Hassan (2004: 208), kata hubung ialah perkataan yang berfungsi menggabungkan perkataan dengan perkataan, frasa dengan frasa, klausa dengan klausa atau ayat dengan ayat.

Abdullah Hassan (2004) membahagikan bentuk kata hubung kepada dua bentuk ;

a. Kata hubung bentuk akar ialah :

dan	kalau	hingga
dengan	lalu	yang
jika	atau	kerana
kemudian	sambil	agar
walau	serta	supaya
demi	demikian	ketika
walhal		

b. Kata hubung bentuk terbitan ialah :

setelah	walaupun	andaikata
semoga	kendatipun	jikalau
sekiranya	sungguhpun	pada hal
semasa	meskipun	sedangkan
sementara	sewaktu	bagaimanapun
sekalipun	seketika	itupun
sesungguhnya	sayugianya	mahupun